

Program Transformasi Ekonomi Untuk Semua Kaum, Kata Presiden MCA Bernama
23 Jun, 2013

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek meminta masyarakat Cina di negara ini mengikis tanggapan negatif kononnya semua program yang diperkenal kerajaan seperti Program Transformasi Ekonomi (ETP) hanya untuk kepentingan kaum Melayu dan Bumiputera sahaja.

Beliau berkata persepsi sedemikian tidak benar dan tidak tepat kerana apa sahaja program yang dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) adalah untuk kepentingan semua rakyat tanpa mengira kaum.

Sebagai contoh, Projek Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) dan Projek Pemodenan Bengkel Automatif (ATOM) yang dilaksanakan di bawah ETP turut disertai ramai peniaga Cina menerusi KOJADI (Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad), katanya.

"Usaha KOJADI (koperasi milik MCA) terlibat dalam program TUKAR dan ATOM ini bukti semua program kerajaan untuk semua peniaga tanpa mengira kaum," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan ke-31 KOJADI di Wisma MCA di sini, Ahad.

Dr Chua berkata masyarakat Cina di negara ini kurang berminat dan tidak yakin untuk terlibat dalam bidang koperasi walaupun ia sebenarnya dapat membantu mewujudkan rangkaian perniagaan yang lebih luas.

"Masyarakat Cina perlu sedar dengan menyertai koperasi akan membolehkan ahli mendapat modal untuk membiayai program perniagaan selain memudahkan perluasan rangkaian perniagaan terutama dalam suasana ekonomi yang mencabar ketika ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Chua berkata masyarakat Cina di negara ini tidak seharusnya terpedaya dengan pujukan pihak tertentu bahawa mereka mampu menukar kerajaan sedia ada kerana ia tidak akan berhasil.

"Masyarakat Cina sahaja tak dapat ubah kerajaan. Jika masyarakat Cina terpedaya dengan slogan 'ubah' ia akan cetus huru-hara," katanya.

Sementara itu ketika diminta mengulas mengenai Naib Presiden MCA Datuk Seri Dr Ng Yen Yen yang menerima pelantikan sebagai Pengerusi Lembaga Pelancongan Malaysia, Dr Chua berkata beliau tidak pernah mencadangkan mana-mana pemimpin tertinggi parti itu untuk memegang jawatan tertinggi dalam kerajaan.

"Kami tidak pernah mencadangkan mereka. Masyarakat perlu tahu membezakan mana yang dicadangkan parti dan mana yang dilantik pihak atasan" katanya.

Selain itu Dr Chua berkata beliau telah melantik Setiausaha MCA Datuk Seri Kong Cho Ha untuk mempengerusikan jawatankuasa khas bagi memastikan pemilihan parti akan datang berjalan lancar dan tidak mencetuskan pertikaian.

Timbalan Presiden MCA Datuk Seri Liow Tiong Lai pula dilantik mengetuai jawatankuasa khas untuk turun ke akar umbi bagi mendengar pandangan dan aduan rakyat untuk memantapkan parti dan menarik balik sokongan masyarakat Cina kepada BN.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=958099>